

# 2,493 batu karang RM2.49j dirampas

Hidupan laut cuba dieksport ke Singapura, United Kingdom

**Kuching:** Batalion 11 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuching merampas sejumlah 2,493 batu karang pelbagai jenis dipercayai untuk dieksport ke Singapura dan United Kingdom (UK) bernilai RM2.49 juta dalam satu operasi di Lundu, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 11 PGA Kuching, Superintendant Rosdi Inai, berkata operasi yang dijalankan sembilan pegawai dan anggota bersama dua pegawai daripada Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) pada jam 11 malam berdasarkan risikan dan maklumat yang diperoleh.

"Operasi dijalankan di Kampung Pandan dengan seorang penduduk tempatan ditahan kerana gagal menunjukkan sebarang permit atau lesen yang sah berhubung pemilikan batu karang itu yang dikategorikan sebagai haiwan terlindung mengikut Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1988.

"Ketika operasi, batu karang berkenaan ditemui di dalam beberapa buah kolam milik lelaki itu di belakang sebuah rumah di kampung itu," katanya pada sidang media di sini, semalam.



Rosdi ) menunjukkan gambar batu karang yang dipercayai akan dieksport ke Singapura dan United Kingdom, di Kuching, semalam. (Foto BERNAMA)

Rosdi berkata, hasil siasatan, batu karang berkenaan dipercayai diperoleh dari perairan Sarawak terutama di kawasan Tanjung Datu, Lundu dan Sematan.

"Kita akan lakukan siasatan lanjut kerana daripada penelitian kita, bukan mudah untuk mendapat batu karang itu kerana ada spesies yang hanya terdapat di dasar laut yang melebihi 10 meter," katanya.

Beliau berkata, tangkapan dan rampasan diserahkan kepada pi-

hak SFC bahagian Kuching untuk disiasat mengikut Seksyen 29(2) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1988 yang sabit kesalan boleh didenda maksimum RM10,000 dan penjara tidak lebih setahun.

"Ini juga kes pertama membabitkan jumlah besar. Kita juga difahamkan pihak SFC akan merujuk perkara ini ke bahagian konservasi SFC untuk pengecaman spesies kerana ia memerlukan kepakaran marin," katanya.

BERNAMA